

TEKS UCAPAN
YANG HORMAT PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN SIRI JELAJAH
PUBLIC-PRIVATE RESEARCH NETWORK (PPRN) 2017 @ PAHANG
PADA HARI SABTU, 6 MEI 2017, PUKUL 9.00 PAGI
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG

SALUTASI

Saudara Pengacara Majlis;

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur,

Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi;

Professor Dr. Abdul Rahman Mohamed,

Penasihat Teknikal PPRN, Kementerian Pendidikan Tinggi;

Yang Berbahagia Datin Dr. Syahira Hamidon,

Ketua Unit Keusahawanan & PPRN, Kementerian Pendidikan Tinggi;

Rakan-rakan saya dari UMP:

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Ketua-ketua Jabatan, Agensi dan Badan Berkanun Persekutuan dan
Negeri;

Pegawai-pegawai Utama, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Ketua-ketua Eksekutif Syarikat dan Industri;

Tuan-tuan dan puan-puan.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

KATA PEMBUKA

1. *Alhamdulillah, sukalah saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka saya dapat bersama hadirin sekalian dalam Majlis Perasmian Siri Jelajah Project by Public Private-Research Network (PPRN) 2017 @ Pahang pada pagi ini.*

2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan dan seluruh warga UMP, saya ingin mengucapkan ‘Selamat Datang’ dan mengalu-alukan kehadiran hadirin sekalian, khususnya kepada tetamu kehormat kita, Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi ke UMP Kampus Gambang sempena acara ini.

3. Sesungguhnya, kehadiran Yang Berbahagia Tan Sri merupakan manifestasi sokongan berterusan kepimpinan Kementerian Pendidikan Tinggi terhadap inisiatif PPRN yang turut melibatkan penyertaan universiti-universiti awam, termasuklah UMP dalam mengupayakan perkongsian pintar yang berkesan antara sektor awam dan swasta

4. Maka, Siri Jelajah PPRN 2017 @ Pahang ini amat signifikan dalam konteks pengintegrasian kepakaran dan keperluan teknikal dengan penyertaan semua pemegang taruh yang berkenaan iaitu para pembuat dan pelaksana dasar dari sektor awam, para akademia dan penyelidik dari institusi pengajian tinggi dan juga para penggerak sektor perniagaan, industri dan keusahawanan.

MENGUPAYA PERKONGSIAN PINTAR AWAM-SWASTA

5. Yang Berbahagia Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan;

Kerjasama awam-swasta telah dikenalpasti sebagai antara pengupaya yang signifikan dalam konteks pembangunan negara. Sebagaimana yang kita sedia maklum, seawal 1981 lagi, Kerajaan Persekutuan telah menyediakan satu kerangka rasmi bagi memandu strategi dan inisiatif kerjasama awam-swasta melalui pengenalan Dasar Pensyarikatan Malaysia.

6. Maka, semangat perkongsian pintar awam-swasta, yang kini telah menjangkau inisiatif penyelidikan dan inovasi bukanlah sesuatu yang baharu buat kita. Dalam konteks evolusi semangat tersebut pada hari ini, kini universiti dan institusi penyelidikan awam turut berperanan penting dalam mewujudkan ekosistem perkongsian pintar dengan komuniti industri dan perniagaan secara lestari.

7. Justeru, UMP turut melihat bahawa dalam konteks pertumbuhan ekonomi nasional, sektor awam dan industri adalah saling bergantungan. Maka, platform PPRN ini menyediakan ruang kepada universiti-universiti awam untuk memainkan peranan yang lebih signifikan dalam konteks rangsangan ekonomi melalui khidmat rundingcara teknikal dengan mengambilira faktor dasar semasa kerajaan dan produktiviti industri serta perniagaan.

8. Komitmen tinggi kerajaan dalam menggerakkan agenda ini tentu sekali menuntut penglibatan menyeluruh semua pihak, termasuklah Universiti Awam seperti UMP. Penubuhan Unit Kerjasama Awam-Swasta (UKAS) di Jabatan Perdana Menteri merupakan mencerminkan keseriusan kerajaan bagi memastikan agenda ini terkoordinasi dengan baik melibatkan semua pemegang taruh yang berkenaan.

9. Maka, UMP sentiasa komited untuk mendukung agenda PPRN yang diterajui pihak Kementerian Pendidikan Tinggi ini dalam konteks pengwujudan ekosistem mesra pengetahuan (*knowledge-friendly ecosystem*) di mana pengetahuan dihasilkan oleh universiti dan institusi penyelidikan awam dapat disebarluaskan bagi manfaat industri dan perniagaan yang memerlukannya.

10. Dalam konteks penterjemahan agenda PPRN di Universiti ini, Pusat Keusahawanan UMP telah dipertanggungjawabkan oleh pihak pengurusan untuk menyusun strategi pelaksanaan yang berkaitan untuk diselaraskan dengan Pelan Strategik UMP 2016-2020.
11. Untuk itu, sehingga akhir tahun 2016, UMP telah menyumbang kepakaran teknikalnya kepada 10 projek di bawah inisiatif PPRN dengan perolehan pembiayaan sebanyak RM357,000 dari Kementerian Pendidikan Tinggi.
12. Misi inisiatif PPRN yang memberi tumpuan kepada penjanaan pengetahuan dan perkongsian kepakaran daripada pihak universiti kepada komuniti industri dan perniagaan adalah turut senada dengan *tagline* ‘Memasyarakatkan Teknologi’ yang mendasari pelaksanaan Pelan Strategik UMP 2016-2020.

13. Dalam hubungan tersebut, UMP melihat tiga perkara berikut sebagai cabaran strategik yang perlu ditangani bagi memastikan keberhasilan inisiatif PPRN iaitu:
 - a) Menggalakkan penyertaan ahli akademik untuk melaksanakan penyelidikan berasaskan permintaan (*demand driven*);
 - b) Meningkatkan produktiviti PKS dan industri melalui adaptasi *state-of-the-art* atau teknologi yang bersesuaian; dan
 - c) Memperkasa hubungan jaringan awam swasta melalui penyelidikan inovasi daripada IPT kepada pengusaha PKS dan industri.
14. Sehubungan dengan itu, sesuai dengan sifatnya sebagai sebuah universiti yang berteraskan kejuruteraan dan teknologi, UMP melihat PPRN sebagai platform pemadanan yang amat berkesan bagi memudahcara inisiatif kolaborasi dengan industri yang memberi pulangan manfaat kepada kedua-dua pihak.

PENUTUP

15. Yang Berbahagia Tan Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi atas pemilihan UMP sebagai tuan rumah bagi Siri Jelajah PPRN di negeri Pahang untuk edisi kali ini.

16. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak, sama ada dari dalam atau luar UMP yang telah menyumbangkan khidmat dan tenaga bagi menjayakan pelaksanaan Siri Jelajah PPRN 2017 @ Pahang di UMP Kampus Gambang ini.
17. Mudah-mudahan usaha murni ini akan terhitung di sisi Allah Ta'ala sebagai amalan dan ilmu yang bermanfaat yang seterusnya dapat diterjemahkan dalam bentuk gerak tindakan yang memberi faedah secara menyeluruh kepada rakyat dan negara Malaysia yang tercinta.

Sekian, *Wabillahi taufiq walhidayah,*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.